

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
(HULU SELANGOR)**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana dasar Sekolah Milik Masyarakat yang telah diperkenalkan dapat membantu Kementerian dan berapa sumbangan dan bantuan yang telah diterima oleh Kementerian setakat ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sekolah Milik Masyarakat (SMM) merujuk kepada kerjasama dan pelibatan masyarakat dalam membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merealisasikan pembangunan pendidikan di sekolah. Hasrat utama dasar ini adalah untuk menggalakkan masyarakat menjalankan tanggungjawab sosial dengan memberi sumbangan dalam membangunkan sekolah sama ada dalam pembangunan fizikal atau modal insan di sekolah berkenaan bagi memenuhi aspirasi pendidikan negara.

KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018: Panduan Penyaluran dan Penerimaan Sumbangan daripada Sektor Swasta dan Bukan Swasta kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat pekeliling ikhtisas ini merupakan panduan

## **SOALAN NO : 25**

penyaluran dan penerimaan sumbangan daripada sektor swasta dan bukan swasta kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

KPM juga telah mewujudkan Inisiatif Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta (PIBKS) dalam pendidikan untuk meningkatkan akses dan kualiti di sekolah dengan kerjasama serta komitmen ibu bapa, komuniti dan pihak swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pelaporan e-PIBKS sehingga pertengahan tahun 2021, anggaran sumbangan dan bantuan yang telah disalurkan kepada sekolah di seluruh negara adalah sebanyak RM183 juta. Sumbangan dan bantuan ini melibatkan seramai 38,105 penaja.